


Soalan 24

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.



Banyak orang menternak ayam kampung sebagai sumber pendapatan. Daging ayam kampung dan telur ayam kampung merupakan sumber makanan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Daging ayam kampung berprotein tinggi. Telur ayam kampung pula mengandungi Omega 3, vitamin, dan mineral.

Dahulu, ayam kampung ditenak secara bebas. Kini, terdapat usaha-usaha untuk mengkomersialkan penternakan ayam kampung di dalam reban yang bersaiz sederhana. Penternak ayam kampung akan melepaskan ayam mereka untuk mencari makanan. Menjelang senja, ayam kampung akan pulang ke reban. Ayam kampung diproses secara segar sebaik-baik sahaja pembeli membelinya.

(a) Mengapakah banyak orang menternak ayam kampung?

[1 markah]

(b) Telur ayam kampung banyak mempunyai khasiat. Dua daripadanya ialah

[2 markah]

(c) Selain ayam kampung, apakah haiwan lain yang dapat ditenak untuk dijadikan sumber pendapatan? Mengapa?

[3 markah]